

CNS0814

U GB 01-03 00178 BC401

aab

Mahathir - Britain

MALAYSIA KECEWA KERAJAAN BRITAIN BERDJAM DIRI

KUALA LUMPUR, 1 Mac (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad malam ini berkata kerajaan Malaysia kecewa dengan sikap kerajaan Britain yang berdiam diri dengan pembbohongan yang dilakukan oleh media negara itu.

Katanya, kerajaan Britain juga tidak dapat bertindak dengan baik untuk menafikan atau memberikan penjelasan yang sebenar mengenai dakwaan akhbar di negara itu kononnya pemimpin kerajaan Malaysia menerima rasuah.

Akhbar Britain baru-baru ini membuat serangan kononnya Dr Mahathir dan pemimpin negara ini menerima rasuah dalam meluluskan projek-projek yang diswastakan.

Dr Mahathir menegaskan bahawa kerajaan Malaysia tidak berkelahi dengan kerajaan Britain dan syarikat-syarikat negara itu apabila membuat keputusan untuk menghentikan pemberian kontrak baru kepada syarikat Britain.

"Kita tidak berkelahi dengan Kerajaan British dan juga tidak berkelahi dengan mana-mana syarikat ... kita marah pada akhbar Britain dan kita tidak ada cara nak ambil tindakan (terhadap akhbar Britain)," katanya semasa berucap pada majlis berbuka puasa Pergerakan Pemuda UMNO Bersama Presiden parti di sini. -- laqi.

▼01/03/22-32MST

U GB 01-03 00158 BC404

aab

Mahathir - Britain 2 Kuala Lumpur

Perdana Menteri berkata kerajaan sentiasa meneliti setiap perkembangan dan laporan akhbar-akhbar asing terhadap Malaysia untuk mengetahui apa yang mereka perkatakan terhadap negara ini.

Beliau berkata akhbar di mana-mana dalam dunia ini mempunyai kebebasan untuk melapor apa yang benar tetapi itu tidak bermakna mereka berhak membuat pembbohongan dan laporan melulu terhadap sesuatu perkara, khususnya negara membangun.

"Bebas untuk berbohong bukan hak akhbar, bebas untuk melapor yang benar...ya," katanya sambil menegaskan: "Kita juga tidak berkelahi dengan John Major tetapi dengan kebebasan akhbar di negara itu."

Mengenai dakwaan bahawa Kerajaan Britain memberi bantuan RM1,000 juta untuk projek hidro elektrik Perqau, Dr Mahathir menjelaskan bahawa jumlah itu sebenarnya bukan bantuan tetapi adalah pinjaman yang diberikan dengan kadar faedah terendah sebanyak 0.08 peratus.

Katanya, pinjaman yang diberikan itu juga bukannya diterima oleh kerajaan tetapi dibayar kepada syarikat yang terbabit dalam projek itu. -- laqi.

▼01/03/22-59MST

aah

Mahathir - Britain 3 Kuala Lumpur

"Duit itu tidak masuk poket Perdana Menteri atau mana-mana menteri, kita cuma ambil hutang untuk bayar kepada syarikat Balfour Beatty," katanya.

Dr Mahathir juga mempersoalkan bahawa pinjaman Kerajaan Britain sebenarnya bertujuan membantu syarikat-syarikat negara itu mendapatkan kontrak dan bukannya membantu kerajaan Malaysia.

Beliau berkata kebanyakan syarikat British menawarkan sebut harga yang lebih tinggi daripada syarikat asing lain dan bagi membantu syarikat British berkenaan mendapatkan kontrak, kerajaan Britain memberikan bantuan kepada syarikat itu.

Mengeuai dakwaan bahawa sebuah syarikat pembinaan Britain, Wimpey Group membayar sebanyak AS\$50,000 kepada Perdana Menteri dan pemimpin negara untuk mendapatkan kontrak kilang lebur aluminium, Dr Mahathir berkata Malaysia tidak ada cadangan untuk membuat projek itu.

"Kita tidak ada projek nak buat kilang, kerajaan tidak ada dan swasta pun tidak ada... tetapi yang nak sangat kontrak, bagi duit tidak kira projek itu ada atau tidak," katanya. -- Lajih.

▼01/03/23-23MST

CNS0821

aah

Mahathir - Britain 4 (Akhir) Kuala Lumpur

Katanya, adalah satu tindakan yang bodoh bagi Wimpey untuk membayar duit tanpa mengetahui kewujudan projek.

Beliau berkata setakat ini tindakan kerajaan Malaysia hanyalah menghentikan pemberian kontrak baru dan kerajaan belum bercadang mengambil tindakan lain.

Katanya, penuntut Malaysia juga akan tetap dihantar untuk belajar di negara itu.

"Lain kali jika kurang ajar juga, baru ambil tindakan lain," katanya.

Terdahulu, Ketua Pergerakan Pemuda UMNO Tan Sri Abdul Rahim Tamby Chik berkata pergerakan itu menyokong penuh tindakan yang diambil oleh kerajaan dan mendesak kerajaan berdiri tegas dengan keputusan itu.

Katanya, kerajaan juga perlu memberikan penerangan yang meluas kepada negara ASEAN terhadap perkara itu bagi memastikan mereka tidak mempunyai gambaran buruk terhadap negara ini. -- Bernama.

HS SN AZ.

▼01/03/23-32MST